

Headline	UUM labur RM100j bina hotel 4 bintang		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	06 May 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Ekonomi	Color	Full Color
Page No	19	ArticleSize	367 cm ²
AdValue	RM 7,320	PR Value	RM 21,960



UUM labur RM100j bina hotel 4 bintang

ALOR SETAR 5 Mei - Universiti Utara Malaysia (UUM) merancang untuk melabur sehingga RM100 juta bagi meningkatkan prasarana EDC-UUM di Sintok menjadi sebuah hotel bertaraf empat bintang.

Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Wira Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, projek menaik taraf EDC-UUM itu akan bermula tahun ini melibatkan pembinaan Tower 2 setinggi 13 tingkat mengandungi 220 bilik penginapan dan kolam renang.

Beliau berkata, pada asal pembinaannya, EDC-UUM yang mula beroperasi pada September 2006, merupakan pusat pembangunan eksekutif bagi melatih para eksekutif serta pelajar universiti

dalam industri berkaitan.

Katanya, selain bilik penginapan, kemudahan lain yang terdapat di pusat itu ialah dewan bankuet yang boleh menampung kira-kira 1,000 orang serta tempat meletak kereta bertingkat.

"Hotel ini dijangka beroperasi pada 2017 dan diharapkan ramai dapat menjadikan EDC-UUM sebagai destinasi percutian mereka, selain menjalankan aktiviti seperti seminar, kursus bina semangat dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perpisahan program Santai Selebriti Media anjuran Anita Entertainment & Productions di Bistro Mayang Sari, EDC UUM Sintok di

sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengurus Besar EDC-UUM, Wan Husaini Wan Abdul Rahman; Pengarah Urusan Anita Entertainment, Anita Yusof dan selebriti seperti Royce Saayan, Khaty Azian dan Mamat Exist.

Mengulas lanjut, Mohamed Mustafa berkata, dengan pembinaan EDC-UUM, orang ramai yang berada di negeri utara Semenanjung tidak lagi perlu pergi jauh ke ibu negara untuk menganjurkan aktiviti mereka.

EDC-UUM yang terletak berhampiran kampus induk UUM itu ketika ini mempunyai kemudahan 88 bilik penginapan termasuk enam jenis suite dengan harga antara RM165 hingga

RM600 semalam.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Mustafa memberitahu, UUM mempergiatkan usaha menarik lebih ramai selebriti mahu pun individu yang berminat melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang pengurusan industri kreatif di peringkat ijazah sarjana muda di universiti itu.

"Setakat ini, kami mempunyai 16 orang selebriti popular yang mengikuti pengajian berkenaan dan berharap ramai lagi akan tampil, malah UUM berjaya menarik beberapa tokoh perfileman tempatan untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) seperti Ahmad Idham," katanya.



EDC-UUM di sintok, Kedah.